

22 JAN 2001

MAHATHIR TIBA UNTUK MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO

MELAKA, 22 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk menghadiri mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, yang kali kedua diadakan di luar ibu negara selepas Ipoh pada Julai tahun lepas.

Ketibaan Dr Mahathir di Bangunan Graha Umno di sini, tempat mesyuarat itu dijadualkan berlangsung disambut oleh Ketua Menteri Datuk Wira Mohd Ali Rustam, barisan Exco kerajaan negeri dan ketua-ketua jabatan.

Presiden Umno itu akan mempengerusikan mesyuarat berkenaan yang dijadual bermula pada pukul 3.30 petang ini.

Antara perkara yang dijangka dibincangkan pada mesyuarat itu termasuk menetapkan tarikh mesyuarat Umno cawangan dan bahagian, pertemuan Umno dan Pas mengenai perpaduan Melayu serta penutupan Pusat Asasi Sains Universiti Malaya.

Sebelum itu, Dr Mahathir akan merasmikan bangunan Graha Umno itu setinggi lapan tingkat pada majlis yang bermula 2.30 petang.

Bangunan itu yang terletak di Jalan Hang Tuah di sini dibina dengan kos RM12 juta, telah digunakan sejak April lepas dan ia turut menempatkan Pusat Perdagangan Antarabangsa Melaka (MITC).

Dr Mahathir seterusnya akan berjumpa dengan pemimpin Umno Melaka selepas mesyuarat MT itu.

Pada sebelah malam, beliau akan menghadiri jamuan bersama rakyat di Seri Bendahara, kediaman rasmi Ketua Menteri sebelum berlepas pulang ke ibu negara.

--BERNAMA

TM MOZ RI